

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
DI DEWAN BANQUET, KELAB BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR
MAJLIS JAMUAN TEH ANJURAN JUNIOR CHAMBER MALAYSIA
11 DISEMBER 1991**

Ahli-ahli Junior Chamber Malaysia, Dif-dif Kehormat, Kanak-kanak yang diraikan, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Presiden dan ahli-ahli Junior Chamber Malaysia kerana menjemput saya menghadiri majlis jamuan teh pada petang ini. Saya merasa amat gembira kerana dapat bersama-sama dengan ahli-ahli Junior Chamber Malaysia untuk beramah mesra dengan kanak-kanak yang telah dibawa daripada institusi masing-masing ke Kelab Bukit Kiara yang cantik ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Saya telah difahamkan bahawa pada hari ini, semua pertubuhan Junior Chamber di seluruh dunia menyambut Hari Jaycees Sedunia dengan menganjurkan berbagai-bagai jenis aktiviti atau projek seperti seminar, pameran, gotong-royong, kempen derma darah dan sebagainya. Saya merasa amat gembira kerana Junior Chamber Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan satu aktiviti yang menunjukkan sokongan mereka terhadap pembentukan masyarakat penyayang di negara kita.

3. Tema yang telah dipilih sempena dengan sambutan Hari Jaycees Sedunia di Malaysia, iaitu "Jaycees Care For You" amat tepat pada masanya kerana ia membayangkan perhatian dan kasih sayang pemuda-pemudi kita terhadap golongan masyarakat yang kurang bernasib baik. Walaupun majlis jamuan teh pada petang ini merupakan satu majlis yang ringkas sahaja, tetapi usaha ahli-ahli Junior Chamber Malaysia dalam menganjurkannya harus dipuji dan dicontohi oleh kelab-kelab belia yang lain.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Usaha Kerajaan Malaysia dalam mewujudkan sebuah masyarakat penyayang tidak akan mencapai objektifnya tanpa sokongan dan penglibatan seluruh rakyat, khususnya generasi muda kita. Pemuda-pemudi kita hari ini akan menjadi pemimpin-pemimpin masyarakat dan negara dalam tempoh 10-20 tahun lagi. Maka adalah penting bagi mereka mempelajari serta memperolehi nilai-nilai murni seperti tanggungjawab, amanah, bersopan-santun, rajin serta bersedia membantu golongan masyarakat yang kurang bernasib baik.

5. Bantuan boleh dilaksanakan dalam berbagai-bagai cara misalnya, derma wang atau derma barang keperluan harian kepada mereka yang miskin, ataupun menganjurkan aktiviti-aktiviti yang membawa kebahagiaan atau keseronokan kepada

mereka yang kurang mampu. Apa yang penting ialah penglibatan kita dalam aktiviti-aktiviti yang menunjukkan kasih sayang kita. Sekiranya setiap orang mempunyai fikiran yang sama dengan ahli-ahli Junior Chamber Malaysia, masyarakat Malaysia akan terus maju, aman damai dan bahagia.

6. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyeru ahli-ahli Junior Chamber Malaysia supaya menganjurkan aktiviti seumpama ini di seluruh negara dari semasa ke semasa kerana saya difahamkan pertubuhan Junior Chamber wujud di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Selain daripada kelab-kelab rekreasi yang serba moden dan indah seperti Kelab Bukit Kiara ini, kanak-kanak kita boleh juga dibawa melawat tempat-tempat menarik seperti Muzium, Taman Burung, Taman Orkid, Taman Bukit Cahaya Seri Alam dan lain-lain lagi untuk meluaskan pengetahuan mereka serta mendedahkan mereka kepada keindahan alam sekitar Malaysia. Kita harus sedar bahawa Kerajaan telah membelanjakan beribu-ribu juta ringgit untuk membina serta melengkapkan taman-taman ini untuk rakyat juga. Perbelanjaan dan usaha ini akan menjadi sia-sia jika tidak dilawati oleh orang ramai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Saya telah difahamkan bahawa selain daripada jamuan teh, kanak-kanak kita juga berpeluang menyaksikan pertunjukan dan acara-acara lain yang menarik, di samping mendapat hadiah yang telah diderma oleh ahli-ahli Junior Chamber Malaysia, syarikat-syarikat serta orang perseorangan. Saya percaya majlis petang ini akan menjadi kenangan manis kepada mereka.

8. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada ahli-ahli Junior Chamber Malaysia. Teruskanlah kegiatan-kegiatan amal anjuran pertubuhan anda. Dan kepada kanak-kanak yang menghadiri majlis teh petang ini, bersuka-ria dan bersyukurlah kerana berpeluang menikmati kasih sayang yang ditunjukkan oleh ahli-ahli masyarakat kita yang bermurah hati.

Sekian, terima kasih.